



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعيه نكري ملاك

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA.

Telefon : 06 - 233 2050

Sambungan : 3501

Faks : 06 - 2311275

Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 1 Februari 2021

19 Jamadilakhir 1442H

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2021

Pengendalian Prosiding Kes Mahkamah Secara Atas Talian ("Online") di Mahkamah Syariah Seluruh Negeri Melaka

Sempena penguatkuasaan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 sebagai langkah membendung wabak Covid-19 di seluruh Malaysia dan berpandukan kepada Garis Panduan Operasi Perbicaraan Kes-Kes Syariah Bagi Mahkamah Syariah Negeri/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri yang disediakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bertarikh 24 Januari 2021, Mahkamah Syariah Negeri Melaka mengeluarkan Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka berhubung Garis Panduan Proses Kerja Prosiding Kes Secara Atas Talian ("Online") seperti yang berikut:-

1. Prosiding ini terpakai bagi semua kes di Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah tertakluk kepada:
 - a) ketersediaan prasarana ICT Mahkamah dan aplikasi atas talian;
 - b) permohonan pihak-pihak; dan
 - c) persetujuan pihak-pihak,boleh dibicarakan secara atas talian semasa tempoh penularan pandemik Covid-19 atau apa-apa tempoh perintah kawalan pergerakan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.
2. Pengurusan semua kes di hadapan Pendaftar dijalankan secara atas talian berdasarkan kepada permohonan dan persetujuan pihak-pihak. Pihak-pihak yang melantik peguam syarie boleh dikecualikan kehadiran dengan kebenaran Mahkamah. Hanya peguam syarie berwakalah sahaja perlu hadir semasa prosiding atas talian dijalankan.
3. Majlis Sulh, Majlis Tahkim dan Majlis Runding Cara Bahagian Sokongan Keluarga dijalankan secara atas talian berdasarkan kepada permohonan dan persetujuan pihak-pihak.
4. Pengendalian prosiding atas talian hendaklah dijalankan dalam keadaan Pegawai Mahkamah, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie dan pihak-pihak mematuhi Arahan Amalan/Kod Etika Berpakaian berkaitan dengan etika berpakaian dalam Mahkamah.

5. Pihak-pihak hendaklah berada di lokasi yang bersesuaian ketika prosiding kes sedang berjalan bagi menghormati kemuliaan Mahkamah.
6. Masa prosiding atas talian ditetapkan oleh Mahkamah dengan mengambilkira kesesuaian tempat, kesihatan dan ketersediaan pihak-pihak.
7. Pihak yang menjalankan prosiding atas talian hendaklah menyediakan peralatan/peranti masing-masing.
8. Pihak yang memohon prosiding dijalankan secara atas talian hendaklah menggunakan Borang yang telah ditetapkan di Lampiran A.
9. Arahan ini boleh diteruskan pemakaiannya pasca pandemik Covid-19 tertakluk kepada permohonan atau persetujuan pihak-pihak atau dalam apa-apa situasi yang difikirkan perlu oleh Mahkamah.
10. Proses Kerja Prosiding Kes Secara Atas Talian dilampirkan sebagai rujukan dan tindakan pihak-pihak yang terlibat.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(YAA DATUK MOHD NADZRI BIN ABDUL RAHMAN)

Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri Melaka

- s.k.:
1. Jabatan Bantuan Guaman Melaka
 2. Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka
 3. Jabatan Agama Islam Melaka
 4. Majlis Agama Islam Melaka
 5. Persatuan Peguam Syarie Malaysia Negeri Melaka

BORANG PERMOHONAN DAN PENGESAHAN PERSETUJUAN MENJALANKAN PROSIDING KES SECARA ATAS TALIAN

Bahagian A: Permohonan

Saya (nama Pemohon) (No K/P:) bertindak sebagai* dalam kes Mal/Jenayah/Faraid No. memohon prosiding kes pada tarikh dijalankan secara atas talian.

(*sila nyatakan: *Plaintif/Pemohon/Defendan/Responden/Peguam Syarie/Pendakwa Syarie/Pihak yang berkepentingan*)

Bahagian B: Pengesahan Persetujuan

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak* dalam kes tersebut di atas **telah bersetuju untuk menjalankan kes tersebut di atas secara atas talian**. Persetujuan tersebut telah dimaklumkan kepada pada secara

(*sila nyatakan: *Plaintif/Pemohon/Defendan/Responden/Peguam Syarie/Pendakwa Syarie/Pihak yang berkepentingan*)

Bahagian C: Maklumat Pihak-pihak (Sila isi mana-mana yang berkaitan)

Pihak-Pihak	Emel	No Telefon	Medium (Telefon Bimbit/Komputer)
Plaintif/Pemohon			
Peguam Plaintif/Pemohon			
Defendan/Responden			
Peguam Defendan/ Responden			

.....
Tarikh

.....
Pemohon

Untuk Kegunaan Mahkamah

i) Permohonan Pemohonan diluluskan. Prosiding Kes akan ditetapkan pada ketetapan berikut:-

SESI	TARIKH	MASA
<input type="checkbox"/> Pengujian Prosiding
<input type="checkbox"/> Prosiding

ii) Permohonan Pemohon ditolak.

.....
.....

.....
Tarikh

.....
Hakim Syarie/Cop Rasmi

PROSES KERJA PROSIDING KEHAKIMAN SECARA ATAS TALIAN

BIL.	TANGGUNGJAWAB	TUGASAN	CATATAN
PRA PROSIDING			
1.	Hakim	Menetapkan tarikh prosiding.	
2.	Pembantu Hakim	Memaklumkan tarikh prosiding kepada P/D/PS melalui notis tanggungan/aplikasi elektronik atau telekomunikasi.	PH boleh memaklumkan kepada pihak-pihak untuk mengisi Borang di Lampiran A sekiranya pihak-pihak berhasrat menjalankan prosiding secara atas talian.
3.	Pemohon*	Memohon prosiding dijalankan secara atas talian menggunakan Borang yang ditetapkan di Lampiran A. Mendapatkan respon/maklum balas daripada pihak satu lagi** secara bertulis/lisan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju untuk menjalankan prosiding secara atas talian. Menghantar Borang di Lampiran A ke Unit Mahkamah yang terlibat.	*pihak yang berhasrat memohon prosiding dijalankan secara atas talian. **pihak yang berkaitan dengan prosiding kes selain Pemohon.
4.	Hakim	Minitkan permohonan Pemohon diluluskan kepada Pendaftar/Pen. Pendaftar.	
5.	Pendaftar/Pen. Pendaftar	Menerima minit daripada Hakim. Merekodkan prosiding kes dijalankan secara atas talian dalam Buku Daftar Prosiding Online. Mengarahkan Pemb. Hakim dan / Pemb. Operasi untuk membuat persediaan prosiding atas talian.	
6.	Pembantu Hakim/Pemb. Operasi	Menjana pautan prosiding (<i>create link</i>) menggunakan medium yang ditetapkan. Menghantar " <i>invitation</i> " kepada pihak-pihak melalui email/whatsapp.	Penjanaan pautan dan jemputan (<i>invitation</i>) dibuat sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh prosiding.